



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan,
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh,
75450 Melaka

Tel: 06-2895000
Faks: 06-2345201 / 5202 / 5207
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/melaka>

Ruj. Kami : ANM(T)MEL/03/68 JLD.3 (48)
Tarikh : 05 Februari 2021
Bersamaan : 23 Jamadilakhir 1442H

Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Di bawah seliaan JANM Negeri Melaka

Tuan,

**KELULUSAN PEMBAYARAN DI BAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN 58(a)
[AP58(a)] BAGI PERBELANJAAN TAHUN 2020 YANG TIDAK MEMPUNYAI
PERUNTUKAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan, kelulusan bagi pembayaran di bawah AP58(a) yang tidak mempunyai baki peruntukan tahun 2020 tidak perlu dikemukakan kepada Kementerian Kewangan (MOF) selaras dengan surat MOF bertarikh 27 Januari 2021 dengan nombor rujukan **MOF.NBO(S) 600-9/1/197 JLD.4(19)**. Walau bagaimanapun, kelulusan khas ini hanya terpakai bagi bil/tuntutan tahun 2020 sahaja. Sehubungan itu, PTJ yang terlibat perlu menyertakan dokumen-dokumen berikut di dalam Arahan Pembayaran:

- 2.1 Sijil AP58(a) dengan mencatatkan nombor rujukan surat kelulusan khas MOF - **MOF.NBO(S) 600-9/1/197 JLD.4(19)**;
- 2.2 Surat pengesahan baki peruntukan tahun 2020 tidak mencukupi daripada Kementerian;
- 2.3 Mencatatkan nombor rujukan kelulusan khas MOF dalam perihal Arahan Pembayaran; dan
- 2.4 Dokumen sokongan pembayaran yang lengkap.

Ruj. Kami : ANM(T)MEL/03/68 JLD.3 (48) 2/2

3. Untuk makluman tuan jua, kelulusan bagi pembayaran di bawah AP58(a) yang mempunyai baki peruntukan tahun 2020 yang mencukupi hendaklah mematuhi kaedah biasa seperti yang digariskan di **para 2.4.1 dan 2.4.2, Lampiran B - Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil.7/2018.**

4. Selain itu, MOF juga telah menetapkan semua pembayaran di bawah AP58(a) hendaklah diselesaikan **selewat-lewatnya pada 30 April 2021** dan sebarang pembayaran selepas tarikh tersebut perlu mendapatkan kelulusan MOF terlebih dahulu. Justeru, Jabatan ini akan menolak Arahan Pembayaran yang tidak mematuhi ketetapan ini.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

Saya yang menjalankan amanah,



(SHABIBAH BINTI BACHOK C.A(M),CPA (Aust.))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia,

Negeri Melaka.